

Implikasi Pelaksanaan Seni Bahasa Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu di SJKT Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR)

(Implications of the Implementation of Language Arts in the Teaching and Learning of Malay Language in SJKT During Teaching and Learning at Home (PdPR))

Amal Izzati Mohd Rasid^{1*}, Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad²

¹ SK Bandar Bukit Mahkota, Kajang, Malaysia

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

* Pengarang Koresponden: cikguamzati@gmail.com

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.30>

Abstrak: Seni bahasa merupakan salah satu elemen yang terdapat dalam Kurikulum Standard Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang perlu dipelajari oleh murid-murid. Namun apabila sesi persekolahan secara bersemuka di sekolah tidak dapat dilaksanakan akibat penularan wabak COVID-19, para pendidik terpaksa beralih kepada sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara dalam talian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti implikasi pelaksanaan seni bahasa dalam (PdP) Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilaksanakan. Kajian kualitatif berbentuk kajian kes ini melibatkan seramai tiga orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sebuah SJKT di daerah Hulu Langat. Peserta kajian dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Soal selidik digunakan sebagai instrumen utama dalam mengumpul data kajian. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif berdasarkan tema-tema utama. Hasil dapatan menggambarkan bahawa pelaksanaan seni bahasa dalam PdP Bahasa Melayu semasa PdPR memberi impak yang positif terhadap murid-murid dan sesi PdPR tersebut. Justeru itu, elemen seni bahasa tidak boleh dikesampingkan semasa melaksanakan PdP Bahasa Melayu sewaktu PdPR terutamanya di SJKT kerana ia dapat membantu murid-murid untuk menguasai pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan lebih baik.

Kata Kunci: Seni bahasa, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah, Implikasi, Bahasa Melayu, SJKT

Abstract: Language arts is one of the elements found in the Standard Malay Language Curriculum for Primary Schools that students need to learn. However, when face-to-face schooling sessions in schools could not be implemented due to the COVID-19 epidemic, educators had to switch to online learning and teaching sessions. Therefore, this study was conducted to identify the implications of the implementation of language arts in Malay Language at Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) during Teaching and Learning at Home (PdPR) is implemented. This qualitative study in the form of a case study involves a total of three Malay language teachers who teach at SJKT in the district of Hulu Langat. Respondent were selected using purposive sampling method. Questionnaires were used as the main instrument in collecting survey data. Data collection was analysed descriptively based on the main themes. The findings illustrate that the implementation of language arts in learning and

teaching Malay Language session during PdPR has a positive impact on the students and the PdPR session. Therefore, the element of language arts cannot be excluded when implementing learning and teaching Malay Language during PdPR, especially in SJKT because it can help students to master the learning of Malay Language as a second language better.

Keywords: Language arts, Teaching and Learning at Home, implications, Malay Language, SJKT

1. Pengenalan

Sistem pendidikan negara mengalami fasa perubahan drastik apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara di laksanakan buat pertama kalinya di Malaysia pada 18 Mac sehingga 31 Mac 2020 ekoran daripada penularan wabak COVID-19. Situasi ini telah banyak mengubah rutin kehidupan seharian kita termasuklah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka di dalam bilik darjah atau dewan kuliah tidak dapat dilaksanakan. Bermula daripada peringkat prasekolah sehinggalah ke institusi pengajian tinggi semuanya terpaksa beralih kepada kaedah PdP secara dalam talian.

Norma baharu dalam pelaksanaan PdP secara dalam talian telah diadaptasi menggunakan pelbagai platform antaranya *Zoom, Google Classroom, Telegram, Microsoft Teams, WhatsApp* dan lain-lain platform yang dapat mengelakkan pelajar dari ketinggalan dalam proses pembelajaran. Merujuk kepada pengumuman yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 8 November 2020 berkaitan arahan sekolah perlu ditutup sehingga hujung tahun telah menjadikan pembelajaran dalam talian terus menjadi fokus utama semua pihak terutamanya para pendidik, ibu bapa dan pelajar terhadap keberkesanan perlaksanaannya di Malaysia. Pihak KPM juga telah memperkenalkan Manual Pembelajaran di Rumah demi memastikan matlamat dan agenda pendidikan negara dapat terus direalisasikan.

Perubahan yang mendadak ini memerlukan para pendidik sentiasa terus positif menghadapi normal baharu dan menangani perubahan yang berlaku secara berkesan untuk memastikan kelangsungan pembelajaran terutamanya dalam subjek Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Tidak dinafikan terdapat pelbagai halangan yang timbul dalam pelaksanaan PdPR terutamanya di peringkat sekolah rendah kerana mereka masih perlu bimbingan untuk melaksanakan sesi pembelajaran tersebut (Nur Hanisah, 2021). Tambahan pula, Kurikulum Standard Bahasa Melayu Sekolah Rendah menuntut murid untuk menguasai lima kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa (Mohd Suhaimi, 2019). Semasa pelaksanaan PdPR, elemen seni bahasa tidak boleh dikesampingkan kerana ia antara komponen yang perlu dipelajari murid-murid. Oleh itu, dalam penulisan ini akan membincangkan tentang implikasi pelaksanaan elemen seni bahasa dalam PdP Bahasa Melayu di SJKT semasa PdPR.

2. Ulasan Kajian Lepas

PdPR merupakan isu baharu yang timbul semenjak kemelut pandemik COVID-19 melanda negara. Terdapat ramai pengkaji yang berminat untuk membincangkan perkara ini daripada pelbagai sudut antaranya kajian yang dilaksanakan oleh Mohd Rohiman et al. (2021) mendapati bahawa para guru perlu melengkapkan diri dengan penguasaan teknologi untuk memastikan murid mampu menjadi pembelajar aktif dan mempunyai keterampilan dalam berbahasa. Selain

itu, hasil kajian ini juga menunjukkan pelaksanaan PdP semasa dalam talian lebih memberi fokus kepada kaedah berasaskan projek dan masalah. Kajian kualitatif ini dilaksanakan dengan tujuan untuk meneroka pelaksanaan pengajaran guru cemerlang Bahasa Melayu semasa COVID-19.

Seterusnya, hasil kajian daripada Irma, Ugartini & Intan (2021) pula membuktikan sikap dan motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Melayu secara dalam talian tidak dipengaruhi oleh faktor jantina dan sosioekonomi keluarga. Perkara ini menunjukan bahawa tanggungjawab guru dalam mengendalikan setiap sesi PdP semasa tempoh PdPR ini memainkan peranan yang amat penting. Ini juga turut disokong oleh hasil dapatan kajian daripada Nur Azira, Zamri & Irma (2021) yang menyatakan bahawa penglibatan murid dalam sesi PdPR dapat ditingkatkan dan murid-murid mampu menjadi pembelajar aktif apabila kaedah pengajaran yang pelbagai digunakan oleh guru semasa melaksanakan sesi PdPR Bahasa Melayu.

Selain itu, kajian oleh Siti Nurbaizurah & Nurfaradilla (2020) menunjukkan kebanyakan guru berpandangan positif terhadap pembelajaran dalam talian dan para guru juga bersedia dengan modul bercetak dan bahan pembelajaran dalam internet semasa pandemik walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran untuk melaksanakannya. Hasil kajian ini juga bertepatan dengan kajian yang telah dilaksanakan Siti Balqis & Munirah (2020) yang menunjukkan penerimaan murid terhadap pelaksanaan PdPR berada pada tahap sederhana iaitu sebanyak 75.5%. Hasil dapatan kedua-dua kajian ini menjelaskan bahawa sesi PdPR dapat dilaksanakan semasa tempoh PKP kerana guru dan murid masing-masing berada dalam keadaan cukup bersedia. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa terdapat pelbagai kekangan yang membantutkan kelancaran proses PdPR antaranya seperti tempoh masa pembelajaran, peranti yang digunakan mengalami masalah serta talian internet yang lemah (Mohd Fairuz et al, 2020). Oleh itu, para guru perlu sentiasa cakna dengan keadaan kesediaan murid bagi membolehkan sesi PdPR itu dapat berjalan dengan lancar.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah kajian kes untuk melihat dengan lebih mendalam implikasi pelaksanaan aspek seni bahasa dalam PdP Bahasa Melayu semasa tempoh PdPR dilaksanakan. Kajian telah dijalankan di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di daerah Hulu Langat, Selangor. Peserta kajian (PK) yang terlibat adalah seramai tiga orang guru Bahasa Melayu yang dipilih berdasarkan ciri homogen yang sama. Peserta homogen ditakrifkan sebagai satu kumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri persamaan (Fenny et al, 2021). Ciri-ciri PK yang telah ditetapkan adalah:

- 1) Guru opsyen major Bahasa Melayu yang mengajar di SJKT sekitar Hulu Langat.
- 2) Guru mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda atau iktisas yang diperaku oleh KPM.
- 3) Guru mempunyai pengalaman mengajar subjek Bahasa Melayu melebihi tiga tahun.
- 4) Guru mestilah ada melaksanakan PdP secara *real-time* semasa tempoh PdPR.
- 5) Guru tersebut secara sukarela untuk terlibat dalam kajian ini.

4. Dapatan Kajian

Untuk membuat pengukuran dan memaparkan data kualitatif, analisis deskriptif perlu digunakan (Wiersma, 2000). Justeru itu, dalam kajian ini analisis deskriptif telah dipilih untuk menerangkan atau meringkaskan maklumat yang diperoleh.

Implikasi Pelaksanaan Seni Bahasa dalam PdP Bahasa Melayu semasa PdPR di SJKT

Hasil analisis daripada temu bual bersama tiga orang PK ini bertujuan untuk menjawab objektif kajian. Terdapat tiga tema yang berkaitan dengan implikasi pelaksanaan seni bahasa dalam PdP Bahasa Melayu semasa PdPR di SJKT. Tema tersebut adalah jumlah penyertaan murid, tingkah laku dan penghantaran tugasan.

Kadar Penyertaan Murid

Jadual 1: Kadar Penyertaan Murid
Kadar Penyertaan Murid

PK/Minggu	1	2	3	4	Jumlah %
PK1	15/35	18/35	23/35	30/35	61
PK2	20/33	21/33	26/33	28/33	72
PK3	18/34	21/34	30/34	33/34	75

Jadual 1 menunjukkan rekod kadar penyertaan murid dalam PdP Bahasa Melayu secara dalam talian semasa pelaksanaan elemen seni bahasa dalam tempoh sebulan bagi ketiga-tiga orang PK. Elemen seni bahasa ini dilaksanakan hanya sekali dalam seminggu. Murid-murid juga telah dimaklumkan berkaitan agihan hari mengikut kemahiran bahasa yang bakal dipelajari. Hasil dapatan membuktikan bilangan penyertaan murid semakin meningkat setiap minggu semasa pelaksanaan elemen seni bahasa. Jumlah kehadiran murid untuk PK1 adalah sebanyak 61 peratus, PK2 sebanyak 72 peratus, dan PK3 adalah 75 peratus.

- *Kehadiran murid saya semakin bertambah apabila saya melaksanakan aktiviti berunsur seni bahasa. Pertambahan itu secara berterusan setiap minggu (PK1/TB).*

PK2 menyatakan sekiranya beliau menggunakan elemen seni bahasa seperti nyanyian, ia dapat membantu untuk menarik minat murid bagi menyertai kelas PdPR beliau.

- *Kalau saya menggunakan seni bahasa seperti nyanyian, penyertaan dan kehadiran akan meningkat (PK2/TB).*

PK3 pula menyatakan wujudnya perbezaan penyertaan murid semasa PdPR bahasa Melayu secara dalam talian pada setiap kali kelas yang dilaksanakan elemen seni bahasa.

- *Penyertaan murid memang berbeza jika kelas PdPR yang ada seni bahasa dengan kelas PdPR yang gunakan kemahiran membaca atau yang lain-lain, dan apa yang saya perasan juga, penyertaan murid tu pula makin bertambah setiap minggu saya lihat (PK3/TB).*

Hasil dapatan ini jelas menunjukkan ketiga-tiga PK menyatakan berlaku peningkatan jumlah penyertaan murid semasa kelas secara dalam talian yang melaksanakan aktiviti berunsur seni bahasa sewaktu PdPR. Jumlah peningkatan itu adalah secara konsisten pada setiap minggu bagi ketiga-tiga orang PK.

Tingkah Laku Murid

Pelaksanaan elemen seni bahasa dalam PdP Bahasa Melayu sewaktu PdPR telah mencetuskan suasana pembelajaran yang menyeronokkan buat murid-murid, walaupun sesi pembelajaran tersebut hanya dilaksanakan secara bersemuka dalam talian. Ini dapat dibuktikan apabila ketiga-tiga PK berkongsi maklum balas berkaitan reaksi murid-murid semasa kelas PdPR tersebut.

- *Murid-murid saya memang seronok sangatlah kalau kelas ada seni bahasa ni. Mereka jadi makin aktif dan lebih ramai yang nak mencuba aktiviti yang saya laksanakan kerana mungkin mereka tidak berasa segan sebab boleh tutup kamera berbanding jika di kelas mereka berhadapan dengan kawan-kawan secara terus (PK1/TB).*
- *Murid akan menjadi lebih aktif, ceria dan seronok belajar dan berlumba-lumba nak menyanyi, berpantun dan sebagainya. Suasana kelas memang meriah sangat (PK2/TB).*
- *Murid-murid berasa gembira kerana dapat menyerlahkan bakat menyanyi mereka. Ada juga yang sebelum ni pasif sahaja tapi bila ada aktiviti seni bahasa ni dia pun nak cuba untuk buat juga. Murid-murid rata-rata memang nak mengulangi aktiviti seni bahasa dalam slot akan datang (PK3/TB).*

Hasil dapatan daripada ketiga-tiga orang PK dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan elemen seni bahasa ini telah mampu menjadikan murid-murid sebagai pembelajar aktif dan mengubah tingkah laku murid-murid menjadi lebih positif dan berani untuk mencuba. Terdapat juga antara murid yang menyatakan hasrat kepada guru mereka supaya dapat meneruskan aktiviti yang berunsurkan seni bahasa pada sesi kelas-kelas Bahasa Melayu yang akan datang. Selain itu, elemen seni bahasa ini jelas mampu menjadikan suasana pembelajaran itu bertukar ceria dan memberi impak emosi yang positif kepada murid-murid kerana sewaktu PKP murid-murid hanya terkurung di dalam rumah sahaja. Pergaulan sosial dan perkembangan emosi mereka agak terhad. Oleh itu, dengan wujudnya suasana pembelajaran yang menyeronokkan diharap mampu menyediakan ruang untuk perkembangan emosi murid yang lebih baik.

Penghantaran Tugas

Jadual 2: Kadar Penghantaran Tugas
Kadar Penghantaran Tugas

PK/Minggu	1	2	3	4	Jumlah %	Kadar Kehadiran Murid %
PK1	15/35	18/35	23/35	30/35	61	61
PK2	21/33	24/33	25/33	30/33	93	72
PK3	19/34	23/34	32/34	32/34	78	75

Jadual 2 menunjukkan peratus kadar penghantaran tugas murid semasa pelaksanaan elemen seni bahasa dalam PdP Bahasa Melayu sewaktu PdPR bagi ketiga-tiga orang PK. Peratus jumlah penghantaran tugas juga akan dibandingkan dengan peratus penyertaan murid semasa kelas secara dalam talian bagi mendapatkan maklumat yang lebih kukuh.

Untuk PK1 kadar peratus penghantaran tugas dan kehadiran murid adalah sama iaitu 61%. Menurut beliau tidak semua murid yang menyertai kelas bersemuka dalam talian dapat menghantar tugas tetapi terdapat juga murid yang tidak menyertai kelas bersemuka dalam talian tetapi dapat menghantar tugas yang diberikan. Hal ini disebabkan oleh kekangan peranti atau internet yang dihadapi oleh murid.

- *Untuk penghantaran tugas tu sebenarnya tidak semua murid yang hadir tu hantar. Kadang-kadang murid yang tak dapat sertai pada sesi Google Meet tu mereka buat dan hantar tugas. Mereka lihat semula rakaman video kelas yang saya sediakan dalam Google Classroom. Murid-murid ini ada yang berkongsi peranti dengan adik-beradik yang lain. Jadi saya fahamlah kalau kadang-kadang mereka tak join kelas atau lewat hantar tugas tapi kebiasaannya tugas berkaitan seni bahasa ini memang ramai yang akan hantar (PK1/TB).*

Namun begitu, berlaku perbezaan yang ketara kepada PK2 iaitu kadar peratusan penghantaran tugas adalah lebih tinggi iaitu 93% berbanding kadar kehadiran murid iaitu hanya 72% semasa kelas secara bersemuka dalam talian dilaksanakan. Situasi ini terjadi kerana kebanyakan ibu bapa murid bekerja dalam sektor barisan hadapan yang menyebabkan mereka perlu hadir ke tempat kerja walaupun dalam tempoh PKP. Ini menyebabkan murid tiada bimbingan atau kemudahan untuk akses kelas bersemuka secara dalam talian tetapi murid-murid ini sentiasa menghantar tugas terutama sekali tugas berkaitan seni bahasa.

- *Sebenarnya parent's murid kelas saya ni ramai yang frontliners jadi mereka keluar bekerja. Murid-murid sekolah rendah ni memang kena ada bantuan ibu bapa untuk masuk kelas-kelas secara online ini. Tapi tugas mereka memang hampir semua hantar lagi-lagi kalau tugas itu tentang aktiviti seni bahasa. Contoh macam saya minta murid rakam video mereka melafazkan pantun, menyanyi atau bercerita. Memang ramai yang akan hantar dan kadang-kadang tu siap dengan props semua. Tak sangka saya. Murid pun seronok buat tugas tu (PK2/TB).*

PK3 juga mempunyai peningkatan kadar peratusan penghantaran tugas iaitu sebanyak 78% berbanding peratus kehadiran murid hanya 75% semasa kelas secara dalam talian dijalankan. Peningkatan ini disebabkan murid yang tidak dapat menyertai kelas bersemuka secara dalam talian juga dapat melengkapkan dan menghantar tugas mereka. Terdapat juga situasi murid yang tidak menghantar tugas kemahiran lain tetapi mampu melengkapkan tugas projek yang berunsur seni bahasa.

- *Untuk aspek penghantaran tugas ini ada pelbagai versi...(tergelak). Ada murid yang ada masalah peranti semasa kelas online jadi dia buat tugas sahaja. Ada murid yang tak hantar tugas lain tapi bila tugas projek seni bahasa mereka buat sungguh-sungguh dan hantar. Tugas lain tu macam tugas membina ayat atau latihan pemahaman (PK3/TB).*
- *Saya sebenarnya kalau tugas seni bahasa ni saya beri kebebasan murid untuk berkreativiti contoh macam murid cipta pantun dua kerat, rakaman suara bercerita ke atau menyanyi ke lebih kurang macam tu la. Yang santai-santai je. Tapi saya perasan murid memang suka yang macam tu (PK3/TB).*

Hasil dapatan daripada ketiga-tiga PK ini jelas menunjukkan berlaku peningkatan dalam peratusan penghantaran tugas apabila tugas tersebut adalah tugas berkaitan seni bahasa. Tugas aspek seni bahasa yang diberikan oleh PK kebanyakannya adalah berbentuk projek mudah yang bersifat santai, menyeronokkan dan menyediakan ruang untuk murid berkreativiti. Ini membuktikan bahawa murid lebih bermotivasi untuk melengkapkan tugas yang boleh memberi mereka ruang untuk bebas berkreativiti dan mencuba berbanding tugas yang bersifat tertumpu seperti menjawab latihan pemahaman.

5. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan aspek seni bahasa semasa PdPR telah memberi kesan yang positif terhadap sesi pembelajaran secara keseluruhannya. Melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti yang menarik telah dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan menyeronokkan sekali gus mampu menarik minat murid untuk terus menyertai kelas PdPR yang dilaksanakan. Selain itu juga, melalui pelaksanaan elemen seni bahasa semasa PdPR juga telah dapat mengekalkan situasi pembelajaran yang aktif walaupun sesi PdP dilaksanakan secara dalam talian. Murid-murid juga dapat menyalurkan emosi mereka melalui kepelbagaian tugas projek mudah yang berunsurkan seni bahasa. Oleh itu, elemen seni bahasa tidak boleh dikesampingkan semasa melaksanakan PdP Bahasa Melayu sewaktu PdPR terutamanya di SJKT kerana ia dapat membantu murid-murid untuk menguasai pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dengan lebih baik.

Rujukan

- Fenny Lau Yeo Feng, Kee Guek Fen, Khoo Phau Liang & Lee Huoy Shin (2021). Kaedah Pengajaran dalam Talian Guru Bahasa Melayu dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 57-74.
- Irma Mahad, Ugartini Magesvaran & Intan Nur Syuhada Hamzah. (2021). Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Talian Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Volume
- Mohd Fairuz Jafar, Zetty Akmar Amran, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof & Hapini Awang. (Oktober, 2020). Kesiediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID 19. Kertas kerja dibenteng dalam Seminar Darulaman 2020 Peringkat Kebangsaan. 11, Bil. 1(Mei 2021).
- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin. (2021). Pelaksanaan pengajaran Guru Cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu ketika pandemic COVID-19: Satu Kajian Kes. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* Jilid 12 Edisi Khas, 2021 / ISSN 1823-6812 (21-32) 21
- Mohd Suhaimi Isnen. (2019). Bahasa Melayu KSSR Semakan 2017. <http://www.cikgusuhaimin.com/2019/09/bahasa-melayu-kssr-semakan-2017.html>
- Nurul Azira Sopian, Zamri Mahamod & Irma Mahad. (2021). Penglibatan Murid-Murid Sekolah Kebangsaan Di Kawasan Bandar Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Talian Daripada Persepsi Guru Bahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education, Literature* Volume 12, No 2.
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education, Literature (KHAS COVID)* Volume 11, 46-57.
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. *SIG:e-learning@CS*, eISBN: 978-967-0841-88-5.
- Wiersma, W. (2000) *Research Methods in Education: An Introduction*. 7th Edition, Allyn & Bacon, Boston, MA.